PENDAKWA RAYA

lwn.

ABD. RAHMAN BIN MD. KASSIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR
TUAN MOHD HISHAMUDDIN BIN MOHD YUNUS H
[RAYUAN JENAYAH NO. 42-21-94]
24 APRIL 1995

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Perogolan budak dibawah umur - Faktor-faktor yang patut dipertimbangkan - Akuan kesalahan tidak patut diberi penekanan lebih berat dari kepentingan awam - Keperluan menjatuhkan hukuman berat untuk membetulkan masalah sosial masyarakat - Peranan Mahkamah sebagai penjaga undang-undang.*

[**English** Translation of Catchwords]

CRIMINAL PROCEDURE: *Sentencing - Statutory rape - Factors to be considered - Admission of guilt not to outweigh the public interest - Necessity of imposing a deterrent sentence to correct social problems - Court's role as guardian of the law.*

Responden telah dihukum penjara selama 6 tahun dan 5 kali sebat rotan di atas kesalahan merogol budak perempuan berumur 8 tahun. Fakta kes menunjukkan bahawa mangsa telah dipujuk dengan wang 20 sen ke kawasan semak, di mana ianya dirogol. Kejadian diketahui keesokan harinya apabila ibu mangsa mendapati kesan darah dan nanah pada pakaian seluar mangsa yang mengalami kecederaan teruk di kemaluannya. Semasa menjatuhkan hukuman yang arif Hakim telah mengambil kira faktor responden mengaku bersalah di atas kesalahan yang pertama sebagai peringan hukuman dan juga menimbang faktor umur mangsa dan kepentingan awam sebagai pemberat hukuman. Pendakwa raya merayu ke atas hukuman yang dijatuhkan.

Diputuskan:

[1] Walaupun yang arif Hakim Mahkamah Sesyen telah menimbangkan faktor yang relevan (rekod jenayah dan pengakuan bersalah), namun begitu hukuman yang dijatuhkan oleh beliau adalah sangat tidak memadai kerana tidak memberikan penekanan yang mencukupi ke atas faktor kepentingan awam dan penekanan yang berlebihan telah diberikan ke atas faktor pengakuan salah.

[2] Keadilan menghendaki Mahkamah bukan sahaja untuk mengambil kira kepentingan orang yang dituduh, tetapi juga mengambil kira kepentingan awam. Mahkamah hendaklah sentiasa peka terhadap masalah sosial masyarakat dan hendaklah memainkan peranan sebagai penjaga undang-undang (guardian of the law) yang berkesan. Adalah menjadi kewajiban Mahkamah untuk melindungi dengan menjatuhkan hukuman yang berat kerana hukuman yang berat sahaja yang akan membenteras secara berkesan perbuatan keji. Hukuman yang berat sahaja yang akan benar-benar menakutkan orang-orang dari melakukan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan.

[Hukuman digantikan dengan penjara 12 tahun dan 6 kali sebat rotan].

Kes-kes yang dirujuk:
Publis Prosecutor v. Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 ***(diikuti)***
Reg. v. Turner [1975] 61 Cr. App R 67 ***(dirujuk)***
Reg v. Grondkowski [1946] 1 All ERR 560 ***(diikuti)***
Public Prosecutor v. Leo Say & Ors. [1985] 2 CLJ 155 ***(diikuti)***

Bagi pihak perayu - Ahmad Zaidi bin Ibrahim, TPP
Bagi pihak responden - hadir sendiri

PENGHAKIMAN

Mohd Hishamudddin bin Mohd Yunus H:

Responden, di dalam kes ini, telah mengaku salah atas kesalahan merogol seorang budak perempuan berumur lapan tahun pada 22 Oktober 1990 dan telah dihukum oleh Mahkamah Sesyen Sungai Petani pada 26 April 1994 dengan hukuman penjara selama enam tahun dan lima kali sebat rotan. Semasa kejadian responden berumur 27 tahun. Pendakwa raya merayu atas hukuman yang dijatuhkan ke atas responden.

Pada hari kejadian, responden telah memujuk budak itu supaya mengikutnya ke suatu kawasan semak dengan memberi budak itu 20 sen dan di sebuah bangsal dalam kawasan semak itu responden telah merogol budak tersebut. Ibu mangsa mendapat tahu akan kejadian itu pada keesokan harinya apabila dia mendapati kesan darah dan nanah pada pakaian seluar mangsa. Mangsa mengalami kecederaan yang agak teruk di kemaluannya.

Dalam menjatuhkan hukuman, yang arif Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambil kira faktor-faktor berikut:

(i) faktor peringanan (mitigating factors):

(a) responden telah mengaku salah;

(b) ini adalah kesalahan pertama responden; dan

(ii) faktor pemberat hukuman:

(b) kesalahan rogol adalah suatu kesalahan yang serius, tambah lagi dalam kes ini mangsa masih berumur lapan tahun;

(c) kepentingan awam.

Dalam menjatuhkan hukuman Mahkamah haruslah berpegang pada prinsip-prinsip tertentu, dan prinsip-prinsip ini ada dinyatakan oleh Hashim Yeop Sani H (beliau ketika itu) dalam *Public Prosecutor v. Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256, 258 seperti berikut:

> Lawton J in *Re James Henry Sargeant* at page 77 referred to the classical principles of sentencing, namely, retribution, deterrence, prevention and rehabilition, and said that the Court ought always to have these four classical principles in mind and apply them to the facts of the case to see which of them has the greatest importance in the case. On retribution Lawton LJ said:
>
> > The Old Testament concept of an eye for an eye and tooth for tooth no longer plays any part in our criminal law. There is, however, another aspect of retribution which is frequently overlooked; it is that society through the Courts, must show its abhorrence of particular types of crime and the only way in which the Courts can show this by the sentence they pass. The Courts do not have to reflect public opinion. On the other hand Courts must not disregard it. Perhaps the main duty of the Court is to lead public opinion.

Di mukasurat yang sama Hashim Yeop Sani H juga berkata:

> The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the interests of the public and the interests of the accused. Lord Goddard LC in *Rex v. Grondkwoski* [1946] 1 All ER 560, 561 offered some good advice when he said:

> The Judge must consider the interests of justice as well as the interests of the prisoners. It is too often nowadays thought, or seems to be thought, that interests of justice means only the interests of the prisoners.

Mengenai faktor samada seseorang tertuduh itu mempunyai atau tidak rekod jenayah, Lawton LJ dalam *Reg. v. Turner* [1975] 61 Cr. App R 67, di mukasurat 91, telah menerangkan prinsipnya seperti berikut:

> ...the fact that a man has not much of a criminal record, if any at all, is not powerful factor to be taken into consideration when the Court is dealing with cases of this gravity. ...We have decided that in dealing with those for whom a sentence of 15 years' imprisonment for one bank robbery is appropriate, the length and type of record is of little assistance.

Dalam *Public Prosecutor v. Leo Say & Ors.* [1985] 2 CLJ 155 N.H. Chan H (beliau ketika itu) telah merujuk dan menerimapakai prinsip yang disebutkan oleh Lawton J *Reg v. Turner* apabila beliau berkata (di mukasurat 160):

> 13. I refer to this passage because I have in mind Chai Min and Krishnamoorthy who have no previous criminal record. As was said by Lawton LJ, when we are dealing with cases of this gravity the fact that a man has not much of a criminal record, or none at all, is not a powerful factor to be taken into consideration.

Mengenai faktor pengakuan salah pula, N.H. Chan H berkata (di mukasurat yang sama):

> 14. As I have said earlier, all three pleaded guilty. Although they are entitled to some credit for that, it must be set off against the enormity and seriousness of the crime that they have committed. As a result of what they have done, a defenceless man was killed in cold blood. In the case of Krishnamoorthy, it must be set off against the far more serious matter that he was the leader and the originator of the scheme.

Di dalam kes di hadapan saya pada hari ini, saya berpendapat bahawa walaupun yang arif Hakim Mahkamah Sesyen telah menimbangkan faktor-faktor yang relevan, sepertimana saya telah sebutkan tadi, namun begitu, hukuman yang telah dijatuhkan oleh beliau itu adalah sangat tidak memadai kerana tidak memberikan penekanan yang mencukupi ke atas faktor kepentingan awam; dan saya juga berpendapat bahawa beliau telah memberikan penekanan yang berlebihan ke atas faktor pengakuan salah.

Alasan saya bagi mengatakan bahawa penekanan ke atas faktor kepentingan awam kurang mencukupi ialah kerana memandangkan gejala yang melanda masyarakat pada masa ini. Berdasarkan dari apa yang saya lihat dan dengar dari media masa, dan juga berdasarkan jumlah kes-kes yang dibawa ke Mahkamah, yang melibatkan penderaan atau kesalahan seksual ke atas kanak-kanak, saya berpendapat bahawa telah menjadi pengetahuan umum bahawa kes-kes penderaan kanak-kanak, termasuklah kes-kes kesalahan seksual terhadap kanak-kanak, sepertimana terdapat dalam kes ini, semakin meningkat dari sehari ke sehari di masa kini, sehinggakan masalah sosial ini telah sampai ke tahap yang membimbangkan.

Dalam membincangkan soal kepentingan awam, saya rasa wajar jika saya mengambil kesempatan di sini untuk membuat teguran secara umum kepada Majistret-Majistret dan Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen berkaitan dengan menjatuh hukuman. Dari pemerhatian saya ke atas pendekatan yang diambil oleh Majistret-Majistret dan Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen apabila mereka mengendalikan kesalahan-kesalahan seperti terdapat dalam kes ini, ataupun, misalnya, kes-kes kesalahan dadah, rasuah dan jenayah kolar putih, yang mana memerlukan penekanan dibuat ke atas faktor kepentingan awam apabila menimbangkan hukuman yang wajar, apa yang mengecewakan ialah masihnya terdapat setengah Majistret-Majistret atau Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen yang tidak begitu

perhatikan perihatin tentang kepentingan awam. Kadangkala apa yang saya perhatikan ketika meneliti alasan penghakiman mereka ialah, walaupun Majistret atau Hakim Mahkamah Seysen berkenaan akan menyatakan dalam penghakimannya bahawa dia menyedari betapa perlunya supaya hukuman yang berkesan dijatuhkan, tetapi apabila menjatuhkan hukuman jelas sekali kelihatan bahawa Majistret atau Hakim berkenaan teragak-agak untuk menjatuhkan hukuman yang benar-benar berat dan bersifat pencegah. Dalam lain perkataan, apa yang mereka katakan dalam alasan penghakiman mereka itu adalah *rhetoric* atau *lip service* semata-mata. Sikap begini mestilah dihapuskan. Saya ulangi nasihat Lawton LJ:

> Perhaps the main duty of the Courts is to lead public opinion.

Tetapi, apa yang lebih menyedihkan ialah di mana kadangkala terdapatnya Majistret-Majistret dan Hakim-Hakim Mahkamah Sesyen yang, apabila menimbangkan hukuman yang wajar, lebih mementingkan kepentingan peribadi orang yang kena tuduh daripada kepentingan awam. Keadilan menghendaki Mahkamah bukan sahaja untuk mengambilkira kepentingan awam. Saya menperingatkan sekali lagi di sini nasihat Lord Goddard LC dalam *Reg v. Grondkowski* (yang ada saya sebutkan tadi).

Mahkamah hendaklah sentiasa peka terhadap masalah sosial masyarakat; dan hendaklah memainkan peranan murninya sebagai penjaga undang-undang (guardian of the law) yang berkesan. Adalah menjadi kewajipan Mahkamah untuk melindungi kanak-kanak yang tidak berdosa dengan menjatuhkan hukuman yang berat; kerana hanya hukuman yang akan benar-benar dapat menakutkan orang-orang dari melakukan perbuatan yang tidak berperikemanusiaan, sepertimana yang telah dilakukan oleh responden dalam kes ini, iaitu memperkosakan kanak-kanak yang tidak berdosa semata-mata untuk memuaskan nafsu kebinatangan mereka.

Berlandaskan apa yang saya nyatakan di atas, saya membenarkan rayuan pihak pendakwa. Hukuman yang arif Hakim Mahkamah Sesyen adalah dengan ini diketepikan dan digantikan dengan hukuman penjara 12 tahun mulai dari tarikh tangkapan dan 6 kali sebat rotan.